

TAHAP PENGHAYATAN UCAPAN SALAM DALAM KALANGAN STAF UUM: SATU KAJIAN TINJAUAN

Mohd Nizho Abdul Rahman
Muhammad Amar Muhammad
Kamaruddin Bin Ahmad
Solahuddin Abdul Hamid
Azman Bin Md Zain
Syed Sultan Bee Packeer Mohamed

Jabatan Tamadun & Falsafah
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia
nizho@uum.edu.my

ABSTRAK

Ucapan Salam adalah merupakan syiar Islam yang menggambarkan kesejahteraan dan perdamaian. Setiap muslim dituntut agar mengucapkan salam terhadap saudaranya apabila bertemu dan berpisah. Bukan sekadar ucapan semata-mata, akan tetapi ucapan yang diungkapkan itu dikira pahala bagi sipengucapnya. Keadaan ini berbeza kini, apabila masyarakat hanya melihat ucapan Salam itu sebagai satu adat dalam masyarakat dan bukannya tuntutan yang amat digalakan dalam Islam. Mereka juga tidak memahami konsep Salam yang sebenar dalam Islam. Terdapat ramai di kalangan masyarakat yang tidak mengambil berat tentang perkara ini bahkan merasakan ianya tidak menjadi suatu perkara yang penting dalam kehidupan beragama. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap penghayatan ucapan Salam dalam kalangan staf UUM sebagai tinjauan awal terhadap konsep ucapan tersebut. Justeru kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul maklumat berkaitan tahap penghayatan Salam dalam kalangan Staf UUM. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penghayatan Salam dalam kalangan Staf UUM berada pada tahap yang memuaskan, namun masih lagi terdapat dalam kalangan mereka yang tidak menghayatinya dengan baik terhadap tuntutan salam.

Kata kunci: Penghayatan, Ucapan Salam dan Staf UUM

Pengenalan

Dalam setiap kehidupan perhubungan manusia memerlukan proses komunikasi. Jika tidak berkomunikasi amat mustahil untuk berlaku jalinan hubungan sesama manusia. Oleh itu, dalam mengetahui serta memahami kaedah berkomunikasi adalah sangat penting bagi mencapai proses komunikasi yang berkesan (Wan Sakinah, 1987). Terdapat beberapa kaedah komunikasi menurut Islam. Antaranya ialah komunikasi sesama manusia. Menurut Saodah Wok et al (2004), antara prinsip dan kaedah komunikasi menurut Islam ialah memulakan percakapan dengan Salam iaitu Assalamualaikum.

Salam merupakan satu lafaz ataupun ucapan selamat sejahtera daripada saudara Islam kepada saudara Islam yang lain. Sesungguhnya kelebihan agama Islam terhadap agama yang lain antaranya adalah terletak pada Salam. Salam di dalam Islam menjadikan seseorang itu merasakan dirinya selamat apabila berada di suatu tempat dan suasana tertentu. Salam juga dapat membezakan seseorang itu samada muslim ataupun tidak. Setiap muslim hendaklah memahami dan menghayati hakikat sebenar Salam yang dianjurkan Islam agar kehidupan ini dapat diberkati dan dirahmati Allah S.W.T. Menjadi tanggungjawab bagi seseorang Muslim menunaikan hak dan kewajipan terhadap saudara seislam dengannya. Sebagai contoh apabila saudaranya mengucapkan selamat sejahtera ke atas kamu (Assalamualaikum) kepadanya maka menjadi kewajipan (wajib hukumnya dalam Islam) ke atasnya untuk menjawab kembali salam tersebut sedangkan bagi saudaranya hanyalah sunat memberi salam. Begitu juga terdapat permasalahan-permasalahan lain yang bersangkutan dengan Salam di kalangan saudara-saudara Islam Perkara inilah yang tidak diberi perhatian secara serius oleh sebilangan besar masyarakat kita. Sedangkan Nabi S.A.W pernah bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang menjawab salam yang diberi maka baginya pahala dan sesiapa yang tidak menjawab maka dia bukanlah dari golongan kami”. (Ibn Sinni : 1993)

Hadis ini menggambarkan bahawa betapa pentingnya Salam sehingga boleh membawa seseorang itu tidak diperakui sebagai umat Nabi S.A.W jika leka dan lalai daripada menjawab salam tersebut.

Penyataan Masalah

Sebenarnya penghayatan masyarakat pada zaman permulaan Islam terhadap penghayatan Salam adalah berpandukan kepada amalan, tunjuk ajar, perbuatan dan kaedah yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. Keadaan ini berbeza kini, apabila masyarakat hanya melihat ucapan Salam itu sebagai satu kebiasaan yang diucapkan dalam masyarakat dan bukannya satu nilai yang melibatkan dosa dan pahala. Mereka juga tidak memahami konsep Salam yang sebenar yang dianjurkan oleh Islam. Terdapat ramai di kalangan masyarakat yang menyalahgunakan ucapan salam pada tempat yang tidak sepatutnya seperti seseorang yang sedang makan, minum, itinjak, dalam bilik air dan sebagainya. Sedangkan perkara ini adalah merupakan tuntutan agama dan terdapat hukum-hakam yang berkaitan dengannya merangkumi segenap espek dalam kehidupan manusia.

Malah penghayatan dan penggunaan Salam di kalangan masyarakat hanya tertumpu kepada masa, waktu dan ketika tertentu sahaja. Bahkan terdapat ketidakfahaman masyarakat ketika menggunakan Salam di kalangan mereka yang boleh membawa kepada kejahilan umat terhadap agamanya sendiri. Selain itu penggunaan lafaz Salam itu sendiri lebih tertumpu kepada individu yang dikhususkan, sedangkan salam itu dianjurkan kepada semua lapisan masyarakat, tidak kira kecil besar, tua muda, berpangkat ataupun tidak. Sabda Nabi S.A.W Salam yang bermaksud;

“Sampaikanlah Salam di kalangan kamu”. (Al-Tirmidzi : 1980).

Justeru, berdasarkan kepada keadaan ini, pengkaji akan mengkaji tahap penghayatan amalan mengucapkan salam di kalangan staf Universiti Utara Malaysia (UUM). Pentingnya kajian

ini dilakukan dalam bagi memastikan budaya Salam sentiasa dipraktikkan setiap masa kerananya ianya merupakan tuntutan agama.

Objektif Kajian

Mengenalpasti tahap penghayatan pengucapan salam dalam kalangan staf Universiti Utara Malaysia.

Metodologi Kajian

i. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif (tinjauan) yang menggunakan borang soal selidik bagi mengumpulkan maklumat tentang tahap penghayatan pengucapan Salam dalam kalangan staf UUM.

ii. Populasi

Populasi merujuk kepada sekumpulan entiti, unsur atau benda (sama ada bernyawa atau tidak bernyawa) yang menjadi subjek kajian (atau perkara yang akan, ingin atau hendak dikaji) bagi seseorang penyelidik (Ahmad Mahzan, 2005). Keseluruhan populasi adalah sebanyak 2,040 orang staf yang terdiri daripada staf Akademik dan Pentadbiran yang beragama Islam di Universiti Utara Malaysia.

iii. Sampel Kajian

Prinsip utama dalam persampelan adalah dengan memastikan kebolehan sampel untuk mewakili populasi (Ayob, 2005). Penentuan saiz sampel penting bagi mendapatkan hasil kajian yang boleh mewakili sesuatu populasi dalam kajian. Justeru itu, seramai 250 orang responden digunakan dalam kajian ini. Ia merupakan jumlah yang mencukupi bagi mewakili populasi kawasan kajian. Ini kerana saiz sampel dalam kajian berskala kecil tidak semestinya melibatkan jumlah responden yang ramai sehingga 1000 atau 2000 orang. Ianya adalah mencukupi dengan jumlah responden seramai 30 hingga 250 orang (Denscombe, 2007).

Definisi Salam

Salam dari sudut bahasa membawa maksud sejahtera, selamat dan tenang. Manakala perkataan Salam dari sudut istilah syara' bermaksud: Suatu ucapan penghormatan ataupun doa yang diucapkan oleh seseorang individu kepada saudaranya yang lain. Ianya merupakan ucapan penghormatan atau penghargaan yang khusus untuk umat Islam ketika mereka bertemu. Selain itu ianya juga melambangkan keamanan, kesejahteraan dan ketenangan kepada mereka yang beragama Islam.

Kelebihan Ucapan Salam

Islam menganjurkan kepada umatnya supaya mengucapkan salam apabila bertemu dan kelebihan ucapan Salam itu dikaitkan dengan martabat Islam seseorang dan merupakan penghormatan serta keberkatan yang dianugerah oleh Allah Ta'ala. Perkara ini dinyatakan di dalam Al-Qur'an melalui firman Allah ta'ala yang bermaksud;

Maka apabila kamu hendak memasuki sesebuah rumah hendaklah kamu memberi Salam kepada penghuninya (yang bererti kamu memberi salam) kepada dirimu sendiri, penghormatan yang ditetapkan disisi Allah, yang diberi berkat lagi baik (Surah Al-Nuur 18: 61).

Di dalam hadith Rasulullah S.A.W pernah bersabda berkaitan kebaikan dan kedudukan Islam seseorang. Sabda Rasulullah yang bermaksud;

Seseorang lelaki pernah bertanya kepada Rasulullah S.A.W : Apakah yang dikira kebaikan Islam seseorang ?. Baginda bersabda: Kebaikan Islam seseorang itu ialah suka memberi makan kepada orang lain(buat kenduri) dan mengucapkan salam kepadfa sesiapa sahaja yang ditemui samada dikenali ataupun tidak. (Sahih al-Bhukhari: 1999)

Selain itu ucapan salam juga di kaitkan dengan keimanan seseorang dan pastinya mendapat nikmat surga hasil daripada kelebihan ucapan Salam yang mampu mengikat tali persaudaraan di antara sesama muslim. Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud;

Tidak masuk Surga sehinggalah seseorang itu beriman dan tidak beriman seseorang itu sehinggalah ia berkasih sayang, lalu baginda menambah mahukah aku tunjukkan kepada kamu sesuatu perkara, apabila kamu lakukan nescaya akan timbul kasih di kalangan kamu?.Bagindapun bersabda, hendaklah kamu mengucapkan salam di kalangan kamu apabila bertemu.(Sahih Muslim, 2002)

Pembahagian Ucapan Salam

Ucapan salam boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu;

- i. Memberi Salam kepada sesiapa sahaja saudara seislam dengannya tanpa melihat kepada orang yang dikenali ataupun tidak.
- ii. Memberi Salam kepada dirinya sendiri dan hamba Allah yang lain ketika memasuki rumahnya, rumah orang lain atau masjid tidak ada penghuni.

Kaedah Ucapan Salam

Terdapat empat kaedah yang boleh digunapakai bagi tujuan ucapan Salam. Setiap ucapan yang dilafazkan akan mendapat ganjaran pahala setimpal dengan amalan yang dilakukan. Setiap orang boleh memilih mana-mana kaedah yang telah dinyatakan di dalam hadith di atas samada kaedah;

- i. Ucapan salam yang ringkas-rinkasnya iaitu Assalamualaikum.
- ii. Ucapan yang sederhana iaitu Assalamualaikum warahmatullah.
- iii. Ucapan yang baik iaitu Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh
- iv. Ucapan yang paling baik (paling banyak ganjaran pahala) iaitu Assalamualaikum waramatullah wabarakatuh wamaqfiratuh (Riwayat Abu Daud, 1997)

Ucapan salam akan terhasil dan mendapat pahala apabila ucapan tersebut ditutur dengan kaedah yang betul tanpa meninggalkan syarat-syaratnya seperti;

- i. Ucapan tersebut hendaklah jelas dan terang dari segi sebutan dan hurufnya kecuali ada masalah yang menghalang seseorang itu untuk menyebutnya.
- ii. Ucapan tersebut hendaklah mengikut urutan yang sepatutnya umpama lafaz Salam (Assalamualaikum) hendaklah didahulukan daripada menggunakan jawab Salam (Alaikumussalam) sebagai lafaz untuk memberi Salam. (al-Nawawi, 1989)

Cara Dan Adab Ucapan Salam

Ucapan Salam yang ditetapkan oleh Islam mempunyai cara dan adabnya yang tersendiri. Ianya bertujuan untuk mengajar dan mendidik manusia supaya mengetahui kedudukan dirinya dan perkara yang perlu dilakukan oleh mereka. Di antara adab yang diajar oleh Islam seperti yang disebut dalam hadith Baginda, yang bermaksud:

Hendaklah di kalangan kamu memberi Salam apabila berkenderaan kepada orang yang berjalan kaki, yang berjalan kaki kepada yang duduk dan yang sedikit kepada yang banyak. (Al-Bhukhari, 1999)

Dapatan Kajian


- i. Maklumat Peribadi Responden

Berikut di bawah adalah data maklumat yang menerangkan tentang peribadi responden.

- ii. Jantina

Berdasarkan kepada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden dalam kalangan staf UUM menunjukkan kebanyakannya terdiri daripada responden lelaki di mana sebanyak 57 peratus (143) orang responden menyatakan sedemikian. Manakala selebihnya terdiri daripada responden perempuan iaitu sebanyak 43 peratus (107) orang responden. Carta Pai 1 memerihalkan dapatan kajian secara keseluruhan bagi jantina responden.


*Carta Pai 1 : Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina
(n=250)*



iii. Umur

Berkenaan umur responden, hasil dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden iaitu sebanyak 41 peratus (103) orang responden berumur di antara 41 hingga 50 tahun. Kedua tertinggi adalah responden yang berumur 31 hingga 40 tahun di mana peratusan menunjukkan sebanyak 26 peratus (66) orang responden menyatakan sedemikian. Selebihnya iaitu sebanyak 19 peratus (47) orang responden berumur 20 hingga 30 tahun. Manakala nilai yang paling minimum iaitu 14 peratus (34) orang responden berumur 51 tahun ke atas. Graf Bar 1 memerihalkan dapatan kajian secara keseluruhan bagi umur responden.

Graf Bar 1 : Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur (n=250)




Tahap Penghayatan Salam Dalam kalangan Staf UUM

i. Keseluruhan

Secara keseluruhannya mengenai penghayatan Salam (Lihat Graf Bar 2) dalam kalangan staf UUM menunjukkan kebanyakannya iaitu 81 peratus (203) orang responden menyatakan tahap tinggi iaitu menghayati pengucapan Salam. Selebihnya sebanyak 19 peratus (47) orang responden menyatakan tahap yang sederhana iaitu kurang menghayati pengucapan Salam.

Graf bar 2: Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Penghayatan Salam



ii. Tahap Penghayatan Mengikut Item

Berdasarkan kepada item-item yang terdapat dalam tahap penghayatan Salam, bagi item *bersungguh-sungguh mempraktikkan pengucapan Salam setiap hari dan setiap masa* menunjukkan 92 peratus (230) orang responden menyatakan tahap yang tinggi iaitu menghayati amalan tersebut.

Begitu juga dari *penghayatan Salam mengeratkan lagi hubungan persahabatan*, 74 peratus (185) orang responden menyatakan tahap tinggi iaitu bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sebanyak 79 peratus (197) orang responden menyatakan tahap tinggi dari segi item *penghayatan Salam mereka berpandukan kepada amalan, tunjuk ajar, perbuatan dan kaedah yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W.*

Namun dari segi item *penghayatan dan penggunaan Salam di kalangan masyarakat hanya tertumpu kepada masa, waktu dan ketika tertentu sahaja* menunjukkan 49 peratus (123) orang responden menyatakan tahap yang sederhana iaitu kurang pasti hal tersebut.

Responden juga menyatakan tahap yang tinggi (bersetuju) terhadap item *apabila pengucapan Salam dihayati akan menghindarkan diri dari perasaan memandang rendah terhadap orang lain, sombong, pilih bulu dan lain-lain* di mana sebanyak 80 peratus (199) orang responden menyatakan sedemikian. Dari segi *penghayatan ucapan Salam dipraktikkan, keimanan seseorang juga akan kukuh dan mantap* menunjukkan sebanyak 72 peratus (181) orang responden menyatakan tahap tinggi iaitu bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Dalam aspek *penghayatan ucapan Salam dipraktikkan ia akan mendatangkan perasaan selamat dan keselamatan diri* menunjukkan kebanyakan responden iaitu sebanyak 78 peratus (194)

orang responden menyatakan tahap yang tinggi (bersetuju). Manakala dari segi *penghayatan terhadap jawapan Salam mendatangkan perasaan persaudaraan dalam Islam*, menunjukkan majoritinya iaitu sebanyak 98 peratus (245) orang responden bersetuju dengan kenyataan item tersebut. Akhir sekali, majoriti responden iaitu sebanyak 93 peratus (233) orang responden bersetuju bahawa dengan *penghayatan terhadap Salam, kita berusaha memberi salam terlebih dahulu*.

Jadual di bawah memerihalkan dapatan kajian bagi setiap item yang berkaitan penghayatan Salam
Jadual 1 Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Item Penghayatan Salam
 (n=250)

Item		Rendah		Sederhana		Tinggi	
		f	%	f	%	f	%
1	Bersungguh-sungguh mempraktikkan pengucapan Salam setiap hari dan masa	14	6	6	2	230	92
2	Penghayatan Salam mengeratkan lagi hubungan persahabatan	23	9	42	17	185	74
3	Penghayatan Salam berpandukan kepada amalan, tunjuk ajar, perbuatan dan kaedah yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W	31	12	22	9	197	79
4	Penghayatan dan penggunaan Salam di kalangan masyarakat hanya tertumpu kepada masa, waktu dan ketika tertentu sahaja	13	5	12	49	114	46
5	Apabila pengucapan Salam dihayati akan menghindarkan diri dari perasaan memandang rendah terhadap orang lain, sombong, pilih bulu dan lain-lain.	11	4	40	16	199	80
6	Apabila penghayatan ucapan Salam dipraktikkan, keimanan seseorang juga akan kukuh dan mantap	8	3	61	24	181	72
7	Apabila penghayatan ucapan Salam dipraktikkan ia akan mendatangkan perasaan selamat dan keselamatan diri	9	4	47	19	194	78
8	Penghayatan terhadap jawapan Salam mendatangkan perasaan persaudaraan dalam Islam	0	0	5	2	245	98
9	Penghayatan terhadap Salam, kita berusaha memberi salam terlebih dahulu	0	0	17	7	233	93

Kesimpulan

Kaedah komunikasi menurut Islam ialah memulakan percakapan dengan Salam iaitu Assalamualaikum. Setiap muslim hendaklah memahami dan menghayati hakikat sebenar Salam yang dianjurkan Islam agar kehidupan ini dapat diberkati dan dirahmati Allah S.W.T. Secara rumusannya hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman Salam dalam kakitangan UUM berada

pada tahap yang positif iaitu memahami pengucapan Salam tersebut. Walaupun hasil kajian menunjukkan kebanyakannya positif, Pihak UUM seperti para ilmuwan agamawan perlu memberi fokus seperti memperbanyakkan program forum, pengajian kitab dan ceramah agar kefahaman tentang perkara ini dapat dipertingkatkan lagi. Hal ini penting supaya pengucapan Salam bukan hanya sekadar menyebutnya sahaja tetapi sebagai elemen penghubung kepada penyatuan serta mengeratkan lagi hubungan sesama insan.

RUJUKAN

- Al-Quran dan terjemahannya* (1971). Jakarta: Yayasan Penyelenggara, Penterjemah dan Pentafsir al-Quran.
- Al-Baihaqi, Ahmad ibn Husin ibn Ali. t.th. *al-Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Hajar, Ahmad bin Ali (1993). *Fath al-Bari Syarah Sohih al-Bukhari*. Bayrut : Dar al-Fikr
- Ibn Hanbal. Ahmad ibn Hanbal. (1993). *Musnad Imam Ahmad*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (1990). *Aun al-Ma'bud Sharah Sunan Abi Daud*. Bayrut: Dar al-Fikr
- Al-Nawawi (1989). *Minhaj al-Taliban*. Terj. Mat Saad Abd Rahman. Shah Alam: Penerbitan Hizbi
- Al-Nawawi (1989). *al-Azkar al-Munthaqab min Kalam Syaid al-Abrar*. Bayrut : Dar al-Khair
- Al-Nasaiy, Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'aib. (1991). *al-Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Mahy al-Din ibn Sharaf. (1994). *Sahih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Tabrani, Sulaiman ibn Ahmad. (1983). *al-Mu'jam al-Kabir*. al-Qahirah: Maktabah Ibn al-Taimiyyah.
- Al-Tirmidzi, Muhammad ibn Isa ibn Surah. (1980). *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmidzi*. Bayrut: Dar al-Fikr.